

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN  
[ KELANA JAYA ]**

**TARIKH : 18 MEI 2015**

**SOALAN :**

**Tuan Wong Chen [ Kelana Jaya ] minta MENTERI PERUSAHAAN  
PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan:-**

(a) berapakah jumlah subsidi biodiesel yang telah diberikan pada tahun 2014 dan berapakah jumlah yang dijangka akan diberikan untuk tahun 2015; dan

(b) berapakah jumlah yang telah dibayar kepada syarikat-syarikat petrol untuk mensubsidi B7 untuk tahun 2014.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melaksanakan Program B5 (adunan 5% biodiesel sawit dengan 95% diesel petroleum) secara berperingkat mulai Jun 2011. Seterusnya, Program B5 telah dipertingkatkan kepada B7 (adunan 7% peratus biodiesel sawit dengan 93% diesel petroleum) bermula November 2014 di Semenanjung. Pelaksanaan Program B7 kemudiannya diperluaskan ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan bermula Disember 2014. Pelaksanaan Program B5 dan B7 sepanjang tempoh Januari hingga November 2014 melibatkan subsidi berjumlah RM72.05 juta; dan
- (b) Daripada jumlah RM72.05 juta tersebut, sebanyak RM8.19 juta telah diperuntukkan bagi Program B7 pada November 2014.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bermula 1 Disember 2014 Kerajaan telah melaksanakan Mekanisme Pengapungan Secara Terkawal, dengan izin, *Managed Float Mechanism*. Di bawah mekanisme pengapungan ini, penetapan harga runcit produk petroleum di stesen minyak adalah mengikut kaedah pengapungan terkawal, iaitu bergantung kepada harga pasaran. Kerajaan juga telah mengambil kira kos adunan biodiesel sawit dan diesel petroleum di dalam penetapan harga runcit setiap bulan.

Sekian, terima kasih.